

## MOSTI sedia fokus R&D hasilkan vaksin COVID-19

[Omar Ahmad](#) - Ogos 28, 2021 @ 8:18pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Dr Adham (tengah, depan) menyerahkan pelitup muka kepada penduduk Taman Kota Jaya di Balai Aktiviti Komuniti Taman Kota Jaya di sini, hari ini. NSTP/Omar Ahmad

KOTA TINGGI: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedia fokus kepada pembangunan dan penyelidikan (R&D) untuk menghasilkan vaksin COVID-19.

Bekas Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba yang akan menerajui MOSTI berkata, ini kerana penghasilan vaksin pertama negara ketika ini dilihat amat penting.

Menyambut baik cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengenai perkara itu, Dr Adham yakin negara memiliki saintis yang pakar dalam menghasilkan inovasi pembuatan vaksin.

"Teknologi yang perlu dipelopori tentu sekali yang terkehadapan untuk menyelamatkan kita daripada wabak selanjutnya kerana kita tidak tahu apa-apa wabak yang akan datang.

"Jadi, fokus kita bangunkan vaksin untuk cegah COVID-19 dalam negara. Itu perkara pertama akan bincangkan Isnin ini.

"Untuk itu, saya bersama pasukan saya di MOSTI akan melawat kilang 'fill and finish' (aktiviti perkilangan isi dan selesai) vaksin CanSino di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil," katanya.

Beliau berkata demikian selepas hadir program penyerahan pelitup muka kepada penduduk Taman Kota Jaya di Balai Aktiviti Komuniti Taman Kota Jaya di sini, hari ini.

Dr Adham berkata, vaksin CanSino yang dihasilkan di kilang 'fill and finish' itu adalah vaksin satu dos yang perlu dipertimbangkan untuk dihasilkan sendiri.